



JAWATAN KOSONG DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA

A. Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Lembaga Getah Malaysia dalam jawatan seperti berikut:

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI PENEMPATAN
1.	PEGAWAI TADBIR (PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & PEMASARAN)	N48	KONTRAK	MIN : RM 5,118.00 MAKS : RM11,634.00	UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (LEMBAH KLANG)
2.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41	KONTRAK	MIN : RM2,315.00 MAKS : RM9,618.00	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (LEMBAH KLANG)
3.	PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PERUNDANGAN (LEMBAH KLANG)
4.	PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PERANCANGAN EKONOMI (LEMBAH KLANG)
5.	PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT INTEGRITI (LEMBAH KLANG)
6.	PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (LEMBAH KLANG)
7.	PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PEROLEHAN DAN KONTRAK (LEMBAH KLANG)
8.	PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PELESENAN DAN PERMIT (LEMBAH KLANG)
9.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29	KONTRAK	MIN : RM1,549.00 MAKS : RM5,684.00	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (LEMBAH KLANG)

No. Rujukan LGM: Bil. 1/2021

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI PENEMPATAN
10.	PENOLONG JURUTERA	JA29	KONTRAK	MIN : RM1,549.00 MAKS : RM5,701.00	UNIT KAWAL SELIA DAN JAMINAN KUALITI (LEMBAH KLANG) AKADEMI HEVEA MALAYSIA (PULAU LANGKAWI)
11.	PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA	KP29	KONTRAK	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,696.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA
12.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29	KONTRAK	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,672.00	UNIT PENERBITAN DAN PERPUSTAKAAN (LEMBAH KLANG)
13.	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	J22	TETAP	MIN : RM2,271.00 MAKS : RM4,725.00	STESEN PENYELIDIKAN RRIM SIMILAJAU, SARAWAK
14.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)	N19	KONTRAK	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA
15.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)	N19	TETAP	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	UNIT PENERBITAN DAN PERPUSTAKAAN (LEMBAH KLANG)
16.	PEMBANTU AWAM	H11	KONTRAK	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	RRIMINIS JASIN, MELAKA
17.	PEMANDU KENDERAAN	H11	KONTRAK	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	STESEN PENYELIDIKAN RRIM SIMILAJAU, SARAWAK
18.	OPERATOR LOJI	H11	KONTRAK	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	STESEN PENYELIDIKAN RRIM KOTA TINGGI, JOHOR
19.	PEMBANTU OPERASI	N11	KONTRAK	MIN : RM1,216.00 MAKS : RM2,983.00	UNIT PEROLEHAN DAN KONTRAK (LEMBAH KLANG)

TARIKH IKLAN DIBUKA: 19 FEBRUARI 2021

No. Rujukan LGM: Bil. 1/2021

B. SYARAT UMUM

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup permohonan

C. SYARAT-SYARAT KHUSUS

Syarat-syarat khusus adalah seperti di **Lampiran A.**

D. TATACARA PERMOHONAN

1. Permohonan jawatan kosong boleh dikemukakan dengan mengisi borang mengikut gred jawatan secara atas talian di pautan berikut:

- i. **Gred 41 dan 48** Link pautan:

<https://forms.office.com/Pages/ResponsePage.aspx?id=K3Hwlu9dlU2hbjDI4zRUHnxOuTjFV0tEpvXCBbQWMcxUQTE1RTZBNkEyTzAyOUw2Vko0SEhCMTVVUC4u>

ATAU

Mengimbas kod berikut pada telefon atau tablet:



- ii. **Gred 29** Link pautan:

<https://forms.office.com/Pages/ResponsePage.aspx?id=K3Hwlu9dlU2hbjDI4zRUHnxOuTjFV0tEpvXCBbQWMcxUMUxRQk8zMFZGOFpROFowRFJYTDdHWDVYNy4u>

ATAU

Mengimbas kod berikut pada telefon atau tablet:



No. Rujukan LGM: Bil. 1/2021

iii. **Gred 19 dan 22** Link pautan:

https://forms.office.com/Pages/ResponsePage.aspx?id=K3Hwlu9dlU2hbjDI4zRUHnxOuTjFV0tEpvXCBbQWMcxUM0U1WDZKWTVRNDJBUVIQOTVS_TUFZODJTM4u

ATAU

Mengimbas kod berikut pada telefon atau tablet:



iv. **Gred 11**

Link pautan:

<https://forms.office.com/Pages/ResponsePage.aspx?id=K3Hwlu9dlU2hbjDI4zRUHnxOuTjFV0tEpvXCBbQWMcxUMVFaUEhRSVpCSE4yVVZPVEU3QIE2TFVIQi4u>

ATAU

Mengimbas kod berikut pada telefon atau tablet:



2. Permohonan tidak perlu dicetak / dipos ke LGM.
3. Pemohon hendaklah memastikan semua **maklumat** adalah **tepat dan terkini** sebelum permohonan dibuat.

Taikh tutup permohonan adalah pada 05 MAC 2021

CATATAN AM

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
2. Pemohon-pemohon yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.**
3. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi **Cik Noor Nabilah Binti Mohamad Zaidee** (Unit Pembangunan Sumber Manusia/Seksyen Perjawatan) Lembaga Getah Malaysia di talian **03-9206 2000 ext : 2205**

JAWATAN 1

JAWATAN	GED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR (PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & PEMASARAN)	N48	KONTRAK	MIN : RM 5,118.00 MAKS : RM11,634.00	UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Pemasaran, Pengurusan Perniagaan atau bidang-bidang lain yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lapan (8) tahun dalam bidang pemasaran dan pembangunan perniagaan dalam industri berkaitan R&D atau bidang yang berkaitan;
 - b) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik;
 - c) Mahir menggunakan Microsoft Office, berorientasikan pelanggan, kemahiran interpersonal yang baik dan mampu bekerja secara bebas; dan
 - d) Memiliki kemahiran untuk bertindak balas secara langsung dengan pantas dan berkeupayaan untuk mencipta strategi pembangunan pemasaran dan perniagaan bersepadu di semua saluran termasuk laman web, emel, komunikasi cetak dan dalam talian.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Membangunkan dan melaksanakan kempen pemasaran untuk pengiktirafan produk dan perkhidmatan LGM;
 - b) Menjalankan kajian pasaran untuk mengenal pasti peluang perniagaan dan mencadangkan peluang pembangunan jualan produk atau perkhidmatan baru;
 - c) Menjana laporan dan menganalisis prestasi jualan produk dan perkhidmatan LGM;
 - d) Menjawab pertanyaan pelanggan, membantu menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh pelanggan serta mengekalkan hubungan yang baik dengan pelanggan;
 - e) Menyelaras dan menguruskan projek berkaitan jualan produk dan perkhidmatan LGM bagi memastikan sasaran projek dapat dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan
 - f) Berkomunikasi dengan pasukan dalaman sebagai penyelararas atau *person in charge (PIC)* untuk memberi konsultasi dalam urusan pemasaran produk dan perkhidmatan; dan
 - g) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 2

JAWATAN	GREED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41	KONTRAK	MIN : RM2,315.00 MAKS : RM9,618.00	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- Mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- Mempunyai pengetahuan dalam:
 - *Mobile Applications (Xamarin/Ionic);*
 - *Cascading Style Sheets (CSS);*
 - *Hyper Text Markup Language (HTML);*
 - *Object Oriented Programming (OOP);*
 - *Angular;*
 - *C# & MVC (Model-View-Controller);*
 - *REST API;*
 - *Database Concept & Entity Framework;* dan
 - *Able to write loosely coupling module/application*
 - Berpengalaman dalam pengurusan dan merekabentuk sistem maklumat (*information system design*) dan sistem pangkalan data (*database system*).
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- Mengkaji keperluan aplikasi dan perisian LGM;
 - Menyediakan aplikasi berasaskan mobile dan web;
 - Menyelaras keperluan integrasi sistem yang telah atau sedang dibangunkan di LGM;
 - Memberikan khidmat rundingan dan sokongan serta latihan kepada pengguna sistem;
 - Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berjadual terhadap sistem-sistem aplikasi yang dibangunkan; dan
 - Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 3

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PERUNDANGAN (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dari mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya atau lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*); dan
 - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Mempunyai pengalaman sebagai peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya;
 - b) Mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai undang-undang sivil dan undang-undang harta intelek serta memiliki rangkaian hubungan yang luas; dan
 - c) Memiliki sifat keyakinan yang tinggi, kemahiran interpersonal yang baik serta integriti yang cemerlang.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal antarabangsa di LGM;
 - b) Mengendalikan urusan berkaitan memorandum dan perjanjian termasuklah perjanjian penyelidikan dan pembangunan, perjanjian biasiswa dan pengeluaran lesen getah;
 - c) Mengurus dan menguatkuasa semua peraturan dan undang-undang berkaitan industri getah;
 - d) Memberikan pandangan dan nasihat mengenai isu berkaitan dengan dasar dan perundangan di LGM;
 - e) Mengurus dan mengendalikan aspek-aspek berkaitan harta intelek; dan
 - f) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 4

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PERANCANGAN EKONOMI (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN :**
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Pembangunan Dasar Ekonomi dan Antarabangsa, Pengurusan Perniagaan atau bidang-bidang lain yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. DESKRIPSI TUGAS :**
- a) Merancang, menyelia dan melaksanakan penyediaan kajian-kajian ekonomi / sosio-ekonomi industri getah hulu bagi memberi input kepada pihak pengurusan LGM menentukan halatuju industri;
 - b) Merangka dan menyediakan rumusan polisi/ dasar/program untuk industri getah;
 - c) Menyediakan, meneliti dan menambah baik laporan, input dan ulasan ekonomi berkaitan industri getah untuk kegunaan dalaman LGM dan *stakeholders*;
 - d) Memberi perkhidmatan berkaitan ekonomi bagi memenuhi permintaan LGM dan *stakeholders*; dan
 - e) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 5

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT INTEGRITI (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN**
- a) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sahsiah diri yang baik serta pengalaman kerja yang sewajarnya; dan
 - b) Calon yang pernah mengikuti Kursus *Certified Integrity Officer (CeIO)* anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan satu kelebihan.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku serta pelanggaran tatakelakuan dan etika;
 - b) Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
 - c) Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta tadbir urus yang terbaik dilaksanakan dalam organisasi; dan
 - d) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 6

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Berkebolehan dalam menganalisis data dengan skil rundingan dan komunikasi yang baik untuk merancang keperluan masa hadapan dan mencipta perubahan; dan
 - b) Mempunyai pengetahuan asas dalam akta dan peraturan kerajaan berkaitan bidang berkenaan.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar awam mengenai pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi; dan
 - b) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 7

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PEROLEHAN DAN KONTRAK (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Mengurus pelaksanaan proses pembelian terus dan proses pelantikan perunding;
 - b) Mengurus permohonan pelanjutan masa, perubahan kerja dan perubahan harga berkaitan perolehan;
 - c) Mengurus permohonan rundingan terus kepada pihak Kementerian Kewangan;
 - d) Mengurus pendaftaran pembekal dan semakan pendaftaran syarikat dengan pihak Kementerian Kewangan dan *Construction Industry Development Board*; dan
 - e) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 8

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	UNIT PELESENAN DAN PERMIT (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman atau kelulusan dalam bidang Pentadbiran Awam, Sains Pentadbiran, Undang-undang, Pentadbiran Perniagaan atau Ekonomi.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Membantu merangka dan merancang aktiviti-aktiviti Pelesenan dan Permit termasuk berkaitan dasar, Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Peraturan-peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan dan Permit) 2014;
 - b) Menyelia aktiviti-aktiviti permohonan Lesen, Permit dan Sijil Tempat Asal;
 - c) Merancang Program Khidmat Nasihat dan Kawal Selia Aktiviti Pemegang Lesen dan Permit;
 - d) Membantu menguruskan hal-ehwal pembangunan serta pemantauan sistem-sistem atas talian di Unit Pelesenan dan Permit;
 - e) Merancang dan menguruskan skim pembiayaan pembelian getah oleh koperasi dan skim pembiayaan usahawan bumiputera bagi memastikan kemudahan pembiayaan mencapai sasaran yang ditetapkan;
 - f) Merancang dan menyelia tugas-tugas anggota dalam Pemantauan Kenderaan Kebenaran Pembelian Bergerak (KPB) Melalui GPS; dan
 - g) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 9

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29	KONTRAK	MIN : RM1,549.00 MAKS : RM5,684.00	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (LEMBAH KLANG)

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - b) Mempunyai sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - c) Mempunyai Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - d) Mempunyai Diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. **DESKRIPSI TUGAS** : Bertanggungjawab membangun program baru untuk sesuatu sistem gunaan komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

JAWATAN 10

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG JURUTERA	JA29	KONTRAK	MIN : RM1,549.00 MAKS : RM5,701.00	UNIT KAWAL SELIA DAN JAMINAN KUALITI (LEMBAH KLANG) AKADEMI HEVEA MALAYSIA (PULAU LANGKAWI)

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - b) Mempunyai Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - c) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. **DESKRIPSI TUGAS** : Bertanggungjawab membantu melaksanakan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyelenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyelenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia tugas yang berkaitan.

JAWATAN 11

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA	KP29	KONTRAK	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,696.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - b) Mempunyai Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - c) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; atau
 - d) Mempunyai Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - e) Mempunyai Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - f) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- Melempi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera yang ditetapkan seperti berikut:
- a) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - b) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - c) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - d) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - e) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - f) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - g) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- Bertanggungjawab membantu melaksanakan tugas-tugas berkaitan pemantauan penguatkuasaan di lapangan dan mengendalikan hal ehwal pemprosesan kelulusan lesen dan permit getah daripada seluruh Malaysia serta Sijil Tempat Asal (CO).

JAWATAN 12

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29	KONTRAK	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,672.00	UNIT PENERBITAN DAN PERPUSTAKAAN (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
 - b) Mempunyai Diploma dalam bidang senilukis dan senireka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - c) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pereka Grafik dalam bidang penerbitan;
 - b) Mempunyai kemahiran menggunakan perisian *Adobe InDesign*, *Adobe Photoshop*, *Adobe Illustrator* dan *Microsoft Word*; dan
 - c) Berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang ilustrasi/lukisan, fotografi dan mahir menggunakan perisian 3D seperti *Studio Max*, *Maya*, *SketchUp* atau yang berkaitan.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk grafik untuk penerbitan;
 - b) Membantu menyediakan keperluan grafik bagi acara-acara rasmi seperti pameran, seminar, bengkel, reka bentuk imej korporat dan lain-lain tugas yang berkaitan; dan
 - c) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 13

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	J22	TETAP	MIN : RM2,271.00 MAKS : RM4,725.00	STESEN PENYELIDIKAN RRIM SIMILAJAU, SARAWAK

i. SYARAT LANTIKAN : Penjaga Jentera Elektrik Gred J19 yang memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- b) Mencapai prestasi yang ditetapkan; dan
- c) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

Dan

Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM

ii. DESKRIPSI TUGAS : Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

JAWATAN 14

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)	N19	KONTRAK	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. **DESKRIPSI TUGAS** : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi, asset dan perolehan) di LGM.

JAWATAN 15

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)	N19	TETAP	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	UNIT PENERBITAN DAN PERPUSTAKAAN (LEMBAH KLANG)

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - b) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - c) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - d) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai:
 - i. Sijil Rekabentuk Grafik; dan
 - ii. Pengalaman dalam bidang penerbitan, rekabentuk grafik, Desktop Publishing (DTP)
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk grafik untuk penerbitan;
 - b) Membantu menyediakan keperluan grafik bagi acara-acara rasmi seperti pameran, seminar, bengkel, reka bentuk imej korporat dan lain-lain tugas yang berkaitan; dan
 - c) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 16

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU AWAM	H11	KONTRAK	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	RRIMINIS JASIN, MELAKA

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai kelulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - b) Keujian Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR)
- ii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan tanaman termasuk cantasan dahan, kawalan rumpai dan pembajaan secara berjadua,
 - b) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembajaan di Semaian Benih Cantum Muda Polibeg, Ranting Tunas Hijau dan Semaian Tanah;
 - c) Melaksanakan kerja-kerja mencantum benih getah di Semaian Tanah dan Semaian Polibeg;
 - d) Membantu dari segi pengurusan dan persediaan kerja-kerja di ladang terutamanya aktiviti kursus, seminar, latihan dan tunjuk ajar di RRIMINIS Jasin, Melaka; dan
 - e) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 17

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMANDU KENDERAAN	H11	KONTRAK	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	STESEN PENYELIDIKAN RRIM SIMILAJAU, SARAWAK

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai kelulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - b) Kepujian Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR)
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Mempunyai lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P));
 - b) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan; dan
 - c) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai lesen memandu kelas H dan lesen GDL.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu dari Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan;
 - b) Bertanggungjawab membawa kenderaan pejabat untuk urusan pentadbiran di Bintulu, menghantar dan mengambil pegawai dan kakitangan yang datang ke Stesen Penyelidikan RRIM Similajau;
 - c) Bertanggungjawab membawa traktor untuk kerja-kerja perladangan; dan
 - d) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 18

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
OPERATOR LOJI	H11	KONTRAK	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	STESEN PENYELIDIKAN RRIM KOTA TINGGI, JOHOR

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai kelulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - b) Kepujian Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR)
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan
 - b) Berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- Bertanggungjawab ke atas pengendalian loji/jentera statik jabatan sama ada dandang stim atau enjin pembakaran dalam, penyelenggaraan berjadual/berkala ke atas dandang, prosedur keselamatan dandang serta pengurusan sistem sokongan yang bersangkutan dengan dandang seperti mana diperuntukan dalam peraturan yang berkuatkuasa di bawah Akta Keselamatan Pekerjaan 1994 serta Akta Kilang dan Jentera 197.

JAWATAN 19

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU OPERASI	N11	KONTRAK	MIN : RM1,216.00 MAKS : RM2,983.00	UNIT PEROLEHAN DAN KONTRAK (LEMBAH KLANG)

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai kelulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - b) Kepujian Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR).
- ii. **DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Menjalankan kerja-kerja cetakan dokumen sebutharga/tender, kertas-kertas mesyuarat dan dokumen lain;
 - b) Merekod, menghantar dan mengurus surat menyurat;
 - c) Mengendali dan mengurus penyimpanan fail-fail;
 - d) Menyedia dan mengurus keperluan mesyuarat dan bilik mesyuarat;
 - e) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.